

GLIC, GLC wajar bersaing dalam persekitaran setara

Kuala Lumpur: Menjadi satu kemestian bagi sektor korporat untuk mencipta nilai dan kekayaan bukan sahaja bagi syarikat atau pemegang saham tetapi meliputi sektor ekonomi dan kemakmuran negara.

Sehubungan itu, Pengerusi Kumpulan Permodalan Nasional Bhd (PNB), Tan Sri Dr Zeti Aziz, menegaskan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) perlu keluar daripada kelompok yang padat dan bersaing dalam persekitaran yang setara.

“Sudah pasti perlu kurangkan kesesakan (persaingan) kerana sektor korporat adalah tunjang utama kepada pembangunan ekonomi negara,” katanya selepas menghadiri Sidang Kemuncak Ko-

rporat PNB 2019 di sini, semalam.

Beliau diminta mengulas gesaan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dalam ucapan perasmianya agar sektor korporat memainkan peranan lebih besar dalam mencipta nilai dan kekayaan negara.

Bagi Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC), Surina Shukri, berkata korporat Malaysia perlu berupaya untuk berinovasi dengan membuat pelaburan pintar untuk maju ke hadapan.

Justeru, beliau berkata, syarikat perlu mempunyai pengawasan yang baik dalam pelaburan pintar yang dilaksanakan.


“Di samping itu, syarikat juga perlu mempunyai pekerja mahir dan tadbir urus yang baik untuk berjaya,” katanya.

Presiden Velesto Energy Bhd, Rohaizad Darus pula berkata, sektor korporat perlu mencipta nilai yang tepat untuk individu yang betul.

“Bercakap mengenai mencipta nilai, apa yang penting adalah nilai integriti dan kecekapan yang perlu dilakukan serta keupayaan untuk berubah.

“Bila anda sentuh mengenai Industri 4.0, apa yang penting adalah untuk ubah pemikiran dan keupayaan bakat tempatan untuk terima benda baharu.

“Ia sangat berbeza dengan apa yang sudah dipelajari sebelum ini dan institusi pengajian adalah tempat pertama untuk pembentukan nilai sosial dan sahsiah yang perlu ada untuk melangkah ke alam pekerjaan,” katanya.

 **Sudah pasti perlu kurangkan kesesakan (persaingan) kerana sektor korporat adalah tunjang utama kepada pembangunan ekonomi negara.**

Dr Zeti Aziz,
Pengerusi Kumpulan PNB
Berita Harian, Myka Dua,
31/10/2019, m/s 2